

KAJIAN RETROSPEKTIF KUALITI AIR BUMI DI JAJAHAN  
KOTA BHARU, KELANTAN

MUHAMAD HANIF BIN AB.LLAH ZAWAWI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Kejuruteraan (Awam)

Sekolah Kejuruteraan Awam  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER 2020

## **DEDIKASI**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Kepada mama tersayang Hjh Hasnah Bt Mohamed, isteri tercinta Engku Husna Bt Engku Ismail dan anak yang dikasihi Muhamad Ashraf. Terima kasih atas dorongan dan galakan yang diberikan.

Alhamdulillah

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T Yang Maha Kuasa atas keberkatan dan kemurahanNya, memberikan kekuatan dan kesabaran kepada saya sepanjang proses penyediaan kajian ini.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Dr. Azmi Bin Aris, Pengarah di Jabatan Timbalan Naib Canselor UTM atas sokongan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan. Terima kasih juga kepada En. Zahidi Bin Hamzah merupakan Geologis di Jabatan Mineral dan Geosains Kelantan yang turut membantu dalam memberikan data dan maklumat bagi menyempurnakan kajian ini.

Yang terpenting sekali dalam hidup saya, isteri tercinta Dr Engku Husna Bt Engku Ismail dan mama tersayang HjH Hasnah Bt Mohamed atas dorongan, pemahaman, kesabaran dan doa mereka yang berterusan. Kepada anak tersayang Muhamad Ashraf, terima kasih atas kesabaran serta Almarhumah Aleena Sofia walaupun dengan kehadirannya yang sementara di dunia ini tetap memberikan ingatan yang berkekalan sepanjang hayat.

Akhir sekali, terima kasih kepada kaum keluarga dan sahabat-sahabat seperjuangan dalam menghadapi cabaran dan dugaan bersama.

*Muhamad Hanif Bin Ab. Llah Zawawi*

## ABSTRAK

Kualiti air bumi yang bersih amatlah penting bagi penduduk di Kelantan. Ini disebabkan sumber air bersih terbesar bagi penduduk Kelantan selain dari bekalan air domestik adalah dari air bumi. Penjagaan serta pengurusan penggunaan air bumi yang baik dapat menjamin kualiti sumber air bumi kekal bersih. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti trend kualiti air bumi, membuat perbandingan di antara kualiti air bumi dengan piawaian yang telah ditetapkan di dalam Standard Malaysia MS 2320:2010 kualiti air minuman dan piawaian kualiti air bagi pertanian. Ia juga bagi mengkaji hubung kait di antara kualiti air bumi dengan guna tanah persekitaran serta untuk mengetahui pengaruh Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya terhadap kualiti air bumi. Kajian ini adalah berdasarkan data-data yang diperoleh dari Jabatan Mineral dan Geosains Kelantan yang mana data-data tersebut adalah pada tahun 2010, 2014, 2015, 2016 dan 2018. Antara parameter kualiti air bumi yang diperoleh adalah pH, Jumlah Pepejal Terlarut (TDS), Nitrat ( $\text{NO}_3$ ), Klorida (Cl), Arsenik (Ar), Besi (Fe) dan Mangan (Mn). Data-data ini seterusnya dianalisis secara statistik menggunakan perisian SPSS. Penghasilan trend kualiti air bumi berdasarkan tahun dapat membuktikan terdapat hubung kait antara beberapa parameter terlibat contohnya TDS dan Klorida. Perubahan monsun juga memberi kesan kepada perubahan kualiti air. Kajian ini mendapati terdapat tiga parameter yang signifikan terhadap monsun iaitu Arsenik, Mangan dan Silika. Secara keseluruhannya, kualiti air bumi di Jajahan Kota Bharu adalah baik di beberapa lokasi walaupun terdapat beberapa parameter yang melebihi Standard Malaysia MS 2320:2010 bagi Kualiti Air Minuman seperti di Pengkalan Chepa dan Tanjung Mas. Walaubagaimanapun air bumi tersebut masih boleh dirawat bagi membolehkan pematuhan kepada piawaian kualiti air minum seperti yang ditetapkan.

## ABSTRACT

Clean groundwater quality is very important for the people of Kelantan. This is because the largest source of clean water for the people of Kelantan apart from the domestic water supply is from groundwater. Care and management of good groundwater use can ensure the quality of groundwater resources remain clean. This study was conducted to identify the trend of groundwater quality, make a comparison between the quality of groundwater with the standards set in the Malaysian Standard MS 2320: 2010 drinking water quality and water quality standards for agriculture. It is also to study the relationship between groundwater quality and environmental land use as well as to find out the influence of Northeast Monsoon and Southwest Monsoon on groundwater quality. This study is based on the data obtained from the Department of Minerals and Geosciences Kelantan where the data are in 2010, 2014, 2015, 2016 and 2018. Among the parameters of groundwater quality obtained are pH, Total Soluble Solid (TDS), Nitrate (NO<sub>3</sub>), Chloride (Cl), Arsenic (Ar), Iron (Fe) and Manganese (Mn). These data are then analyzed statistically using SPSS software. The production of groundwater quality trends based on years can prove that there is a correlation between several parameters involved for example TDS and Chloride. Monsoon changes also affect water quality changes. This study found that there are three significant parameters for the monsoon, namely Arsenic, Manganese and Silica. Overall, the quality of groundwater in Kota Bharu District is good in some locations although there are some parameters that exceed the Malaysian Standard MS 2320: 2010 for Drinking Water Quality such as in Pengkalan Chepa and Tanjung Mas. However, the groundwater can still be treated to enable compliance with drinking water quality standards as set.

# ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Latar belakang	1
	1.2 Pernyataan masalah	2
	1.3 Objektif kajian	3
	1.4 Skop kajian	3
	1.5 Limitasi kajian	4
<b>BAB 2</b>	<b>Tinjauan Literatur</b>	<b>5</b>
	2.1 Kitaran hidrologi	5
	2.2 Air bumi	6
	2.3 Kualiti air bumi	7
	2.3.1 Parameter fizikal	8
	2.3.2 Parameter kimia	9
	2.4 Piawaian kualiti air	12
	2.5 Permintaan air	14
	2.6 Pengaruh air masin terhadap air bumi	15

2.7	Perlindungan keatas kualiti air bumi	16
2.8	Kajian atau penyiasatan air bumi terdahulu di Kelantan	18
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>23</b>
3.1	Pengenalan	23
3.2	Tempoh kajian	23
3.3	Pengumpulan data	23
3.4	Lokasi telaga tiub	24
3.5	Analisis Statistik	26
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>27</b>
4.1	Trend parameter kualiti air	27
4.2	Perbandingan di antara kualiti air bumi terhadap piawai kualiti air minum dan air pertanian	44
4.3	Hubungan antara kualiti air bumi dengan guna tanah persekitaran (lokasi telaga tiub)	48
4.4	Pengaruh Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya terhadap kualiti air bumi	61
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>67</b>
5.1	Kesimpulan	67
5.2	Cadangan	68
<b>RUJUKAN</b>		<b>69</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 2.1	Piawaian kualiti air minuman	13
Jadual 2.2	Piawaian kualiti air bumi untuk kegunaan pertanian	13
Jadual 2.3	Lokasi loji rawatan air yang menggunakan air bumi	15
Jadual 2.5	Lokasi loji rawatan air yang menggunakan air bumi dan pengeluaran air yang dihasilkan	15
Jadual 4.1	Perbandingan nilai min parameter terhadap piawaian kualiti air minuman dan piawaian kualiti air pertanian	44
Jadual 4.2	Hubungan parameter fizikal air bumi dengan jenis lokasi	49
Jadual 4.3	Hubungan lokasi telaga air bumi dengan parameter fizikal air bumi	50
Jadual 4.4	Parameter kimia air bumi terhadap nilai p	53
Jadual 4.5	Parameter air bumi terhadap nilai p bagi perbezaan min pada monsun timur laut dan monsun barat daya.	62
Jadual 4.6	Parameter air bumi yang signifikan terhadap nilai p bagi monsun timur laut dan monsun barat daya.	64



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 2.1	Kitaran hidrologi	5
Rajah 2.2	Akuifer tak terkurung dan akuifer terkurung	6
Rajah 2.3	Kemunculan air masin boleh disebabkan pengepaman air dari telaga dari lapisan air bumi.	17
Rajah 2.4	Kaedah penggunaan suntikan untuk membentuk kawasan bertekanan bagi mengelakkan pencerobohan air masin di akuifer pantai yang tidak terkawal	17
Rajah 2.5	Kaedah pengepaman telaga di garis pantai untuk membentuk sempadan antara air bersih dan air masin bagi menghalang pencerobohan air masin berlaku	18
Rajah 3.1	Lokasi kedudukan telaga tiub di Kelantan	25
Rajah 4.1	Trend bagi min konduktiviti	27
Rajah 4.2	Trend bagi min jumlah pepejal terlarut	28
Rajah 4.3	Trend bagi min kekeruhan	29
Rajah 4.4	Trend bagi min pH	30
Rajah 4.5	Trend bagi min Asrenik	31
Rajah 4.6	Trend bagi min Bikarbonat	32
Rajah 4.7	Trend bagi min Kalsium	33
Rajah 4.8	Trend bagi min Klorida	34
Rajah 4.9	Trend bagi min Kuprum	35
Rajah 4.10	Trend bagi min Ferum	36
Rajah 4.11	Trend bagi min Kalium	37

Rajah 4.12	Trend bagi min Magnesium	38
Rajah 4.13	Trend bagi min Mangan	39
Rajah 4.14	Trend bagi min Natrium	40
Rajah 4.15	Trend bagi min Nitrat	41
Rajah 4.16	Trend bagi min Sulfat	42
Rajah 4.17	Trend bagi min Zink	43
Rajah 4.18	Aktiviti di persekitaran telaga tiub	48
Rajah 4.19	Keratan rentas geologikal	49
Rajah 4.20	Min Konduktiviti lawan lokasi telaga air bumi	52
Rajah 4.21	Min Jumlah Pepejal Terlarut lawan lokasi telaga air bumi	53
Rajah 4.22	Min Arsenik lawan lokasi telaga air bumi	55
Rajah 4.23	Min Ferum lawan lokasi telaga air bumi	56
Rajah 4.24	Min Mangan lawan lokasi telaga air bumi	57
Rajah 4.25	Min Plumbum lawan lokasi telaga air bumi	58
Rajah 4.26	Min Klorida lawan lokasi telaga air bumi	59
Rajah 4.27	Min Nitrat lawan lokasi telaga air bumi	60
Rajah 4.28	Jumlah taburan hujan bulanan dari Tahun 2010 hingga Tahun 2020 dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).	61

## SENARAI SINGKATAN

AKSB	-	Air Kelantan Sendirian Berhad
JMG	-	Jabatan Mineral Dan Geosains
KADA	-	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
MESTECC	-	Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
MS	-	Malaysia Standard
NTU	-	Nephelometric Turbidity Units
TDS	-	Jumlah Pepejal Terlarut
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

## SENARAI SIMBOL

$\text{Na}^+$	-	Natrium
$\text{K}^+$	-	Kalium
$\text{Ca}^{2+}$	-	Kalsium
$\text{Mg}^{2+}$	-	Magnesium
$\text{Fe}^{2+}$	-	Besi / Ferum
$\text{NH}_4^+$	-	Ammonium
$\text{Cl}^-$	-	Klorida
$\text{SO}_4^{2-}$	-	Sulfat
$\text{As}^{3+}$	-	Arsenik
$\text{Pb}^{2+}$	-	Plumbum
$\text{Cu}^{2+}$	-	Kuprum
$\text{Mn}^{2+}$	-	Mangan
$\text{Zn}^{2+}$	-	Zink
$\text{HCO}_3$	-	Bikarbonat
$\text{NO}_3^-$	-	Nitrat
$\text{SiO}_2$	-	Silika

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Data mentah yang diterima dari Jabatan Mineral & Geosains Kelantan, Malaysia.	73

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang

Air merupakan sumber yang amat bermakna di dunia ini. Tiada sumber lain yang lebih penting daripada sumber air. Kualiti air bersih serta mencukupi sangat penting bagi setiap individu, negeri mahupun negara. Air yang bersih amat diperlukan terutamanya sebagai sumber bagi minuman manusia. Tujuh puluh peratus daripada badan manusia adalah air. Hampir 5 % daripada air itu perlu diganti setiap hari untuk menyokong fungsi badan manusia. Ini menunjukkan betapa pentingnya air kepada manusia. Manakala di permukaan bumi, air meliputi sehingga 71 % iaitu terdiri dari lautan, sungai tasik dan sebagainya. Kajian dari Peter H. Gleick, 1993 menyatakan bahawasanya air bersih hanyalah 2.5% daripada jumlah air global. Dari jumlah air bersih ini, hanya 30.1% adalah merupakan air bumi. Ini menunjukkan air bumi hanyalah 0.75% dari jumlah air global.

Di Malaysia, dianggarkan terdapat kira-kira 5000 bilion m<sup>3</sup> simpanan air bumi yang tersedia manakala hanya kurang dari 2% simpanan yang ada sekarang telah digunakan (Azuhan, 1999). Kapasiti simpanan air bumi yang sangat besar tersebut sepatutnya sedikit sebanyak dapat membantu memenuhi permintaan air yang semakin meningkat. Walaubagaimanapun, di Kelantan, sejak sekian lama kebanyakan sumber air adalah diperoleh dari air bumi. Lebih kurang 70% daripada jumlah bekalan air di negeri ini berasal dari air bumi, terutamanya di Kota Bharu (Thamer Ahmed Mohammed, 2009). Bekalan air ini digunakan oleh penduduk setempat bagi kegunaan seharian serta pihak Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) bagi tujuan pembekalan air domestik. Dengan adanya teknologi pada masa kini, proses bagi mendapatkan air bumi lebih mudah dan menjimatkan. Pembinaan telaga tiub merupakan salah satu alternatif bagi mendapatkan sumber air dari air bumi. Proses penggerudian dari permukaan tanah sehingga ke lapisan ekuifer air tertentu

dapat dibina dengan saiz paip yang berbeza-beza iaitu diantara 75mm sehingga 300mm diameter. Pada kebiasaannya, penduduk setempat membina telaga tiub dengan diameter 100mm yang boleh dipamkan airnya dari dasar sehingga ke permukaan melalui paip berdiameter 25mm sahaja.

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti trend kualiti air bumi di Kota Bharu, Kelantan dari tahun 2010-2018; membuat perbandingan di antara kualiti air bumi dengan piawaian yang telah ditetapkan di dalam Standard Malaysia MS 2320:2010 - kualiti air minuman dan piawaian kualiti air bagi pertanian; Untuk mengetahui hubungan kualiti air bumi dengan guna tanah persekitaran; dan untuk mengetahui kesan perubahan Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya terhadap kualiti air bumi.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pada tahun 1995, sekitar 98,000 m<sup>3</sup>/hari air bumi dipam dari lebih 60 telaga untuk memenuhi permintaan sekitar 30% penduduk Kelantan (Thamer Ahmed Mohammed, 2009). Pihak AKSB bertanggungjawab bagi memenuhi permintaan bekalan air bersih yang semakin lama semakin meningkat akibat dari pertambahan penduduk. Pihak AKSB menghadapi cabaran dalam membekalkan air bersih disebabkan kekurangan pusat loji rawatan air serta sumber bekalan air di permukaan yang semakin rendah.

Ketidakstabilan sumber bekalan air dan kualiti bekalan air domestik sering mengganggu kehidupan penduduk di Kelantan, terutama di Kota Bharu. Disebabkan bekalan air domestik yang sering terganggu, kebanyakan rakyat di Kota Bharu terpaksa mengambil inisiatif sendiri dengan mencari sumber air bumi iaitu melalui pembinaan telaga tiub bagi kegunaan kehidupan seharian. Walaubagaimanapun, sumber bekalan air bumi boleh tercemar sekiranya ianya diambil tanpa kawalan. Menyedari hakikat ini, maka kajian ini dilakukan yang diharap dapat memberi manfaat dan perkongsian serta rujukan bersama.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif berikut:

1. Untuk mengenal pasti trend kualiti air bumi di Kota Bharu, Kelantan dari tahun 2010-2018.
2. Membuat perbandingan di antara kualiti air bumi dengan piawaian yang telah ditetapkan di dalam Standard Malaysia MS 2320:2010 - kualiti air minuman dan piawaian kualiti air bagi pertanian.
3. Untuk mengetahui hubungan kualiti air bumi dengan guna tanah persekitaran.
4. Untuk mengetahui kesan perubahan Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya terhadap kualiti air bumi.

### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini telah dilakukan di Jajahan Kota Bharu, Kelantan. Data diambil selama 5 tahun iaitu pada tahun 2010, 2014, 2015, 2016 dan 2018. Data kualiti air bumi ini diperoleh dari Jabatan Mineral dan Geosains Kelantan.

Bagi memenuhi piawaian yang telah ditetapkan di dalam Standard Malaysia MS 2320:2010 - Kualiti Air Minuman maka beberapa parameter telah diambil iaitu Konduktiviti, Kekeruhan, pH, Jumlah Pepejal Terlarut, Warna yang merupakan parameter fizikal manakala bagi parameter kimia ialah Natrium (Na), Kalium (K), Kalsium (Ca), Magnesium (Mg), Besi (Fe), Ammonium (NH<sub>4</sub>), Klorida (Cl), Sulfat (SO<sub>4</sub>), Arsenik (As), Plumbum (Pb), Kuprum (Cu), Mangan (Mn), Zink (Zn), Bikarbonat (HCO<sub>3</sub>), Nitrat (NO<sub>3</sub>) dan Silika (SiO<sub>2</sub>).



## 1.5 Limitasi Kajian

Secara amnya kajian ini merangkumi beberapa limitasi. Pertama, ukuran sampel yang terhad mungkin tidak mewakili keseluruhan kualiti air bumi di Kota Bharu kerana sampel yang diambil hanya di empat puluh tujuh lokasi iaitu Loji Air Pengkalan Chepa (lima telaga), Loji Air Tanjung Mas (lapan telaga), Tangki Air Jalan Merbau (tiga telaga), Perol Booster (dua telaga), Loji Air Kubang Kerian (dua telaga), Loji Air Taman Guru (empat telaga), Kg Puteh (dua telaga) manakala Pusat Kesihatan Peringat, Kg Binjai, SK Kota Jembal, SK Pasir Hor, SK Seribong, Pasir Tumbuh, Kg Chicha, SK Rambutan Rendang, Loji Air Kg Chap, Medan Telaga Kg Telok, Kg Belukar Luas, Pendek, Kg Gondang, Kg Alor Jalar, Kg Padang Lembek, Kg Bukit Kecil, Kg Padang Raja, Kg Kor Kadok, Taman Binaraya Pasir Tumboh, Kg Perol dan Kg Hutan Buluh yang masing-masing hanya satu buah telaga sahaja. Walaubaimanapun, kaedah analisis secara konvensional adalah kompleks maka kaedah analisis statistik digunakan melalui pencarian min untuk semua parameter di lokasi serta tahun yang tertentu bagi memudahkan perbandingan dibuat.


Kedua, retrospektif dengan ukuran sampel yang sederhana serta sampel hanya pada tahun tertentu sahaja yang diperolehi iaitu pada tahun 2010, 2014, 2015, 2016 dan 2018 manakala sampel pada tahun 2011, 2012, 2013 dan 2017 tidak dapat diperolehi. Namun, di sebalik keterbatasan dan waktu yang terhad ini, semoga kajian ini dapat memperoleh kesimpulan yang dapat diterima.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Kitaran Hidrologi

Kitaran hidrologi adalah merujuk kepada pergerakan air yang berterusan sama ada di atas permukaan bumi ataupun di bawah permukaan Bumi yang akhirnya jumlah air di Bumi adalah sentiasa sama tetapi bentuk atau keadaannya sahaja yang berbeza. Berdasarkan Rajah 2.1, sekiranya dianggarkan air masuk menyusuri sungai hingga ke laut, masa air berada di sungai ialah  $(2,100 \text{ km}^3) / (44,700 \text{ km}^3/\text{tahun}) = 0.047 \text{ tahun} = 17 \text{ hari}$ . Maka dianggarkan masa air berada di sungai adalah lebih kurang dua minggu.



Unit dalam  $\text{km}^3$  dan  $\text{km}^3/\text{tahun}$ . Nombor bersama anak panah adalah kadar fluks dan kuantiti dalam kurungan adalah isipadu.


Rajah 2.1 Kitaran hidrologi. (Pinder et al, 2006)

Sebaliknya sekiranya mempertimbangkan komponen air bumi, purata masa air berada di dalam tanah adalah  $(10,5000,000 \text{ km}^3) / (46,000 \text{ km}^3/\text{tahun}) = 229$  tahun. Ini menunjukkan masa kediaman air di sesuatu keadaan adalah berbeza-beza.

Sekiranya berlaku pencemaran di air permukaan iaitu sungai, masa yang diambil boleh dikatakan sekejap sahaja untuk dibersihkan memandangkan air di sungai sentiasa mengalir dengan deras. Walaubagaimanapun, berbeza pula sekiranya pencemaran berlaku di air bumi, masa pergerakan air yang perlahan menyebabkan masa yang lebih lama diperlukan.

## 2.2 Air bumi

Air bumi adalah air yang terdapat di bukaan atau ruang pada tanah, pasir atau batu di dalam bumi. Merujuk Rajah 2.2, kawasan yang mana air telah memenuhi akuifer tersebut dikenali sebagai zon tepu. Ianya boleh didapati samaada di akuifer yang terkurung (confined aquifer) atau tidak terkurung (unconfined aquifer). Paras air bumi ini mungkin beberapa meter atau tersimpan beratus-ratus meter di bawah dari permukaan tanah.



Rajah 2.2 Akuifer tak terkurung dan akuifer terkurung (Freeze dan Cherry,1979)

Air di lapisan ini disimpan dan mengalir perlahan di antara lapisan pasir, tanah atau batu. Akuifer biasanya terdiri dari pasir, tanah, batu kerikil atau batu pecah seperti batu kapur. Bahan-bahan ini biasanya mempunyai ruang udara yang membolehkan air melaluinya. Lapisan ini juga mempunyai ruang yang saling berkaitan yang besar menjadikannya kalis air. Kelajuan aliran air bumi bergantung pada ukuran ruang di dalam tanah atau batu dan sejauh mana ia bersambung.

Paras air bumi mungkin dalam atau cetek kerana bergantung pada beberapa faktor. Antara faktor yang boleh mempengaruhinya ialah hujan lebat yang boleh menyebabkan permukaan air naik. Walaubagaimanapun, pengambilan air bumi yang terlalu banyak pada musim kemarau boleh menyebabkan penurunan paras air bumi.

Paras air bumi dapat ditingkatkan kembali atau diisi semula apabila terdapat air hujan yang menyerap masuk ke dalam akuifer. Taburan hujan tahunan yang tinggi di Malaysia iaitu dianggarkan 990 bilion m<sup>3</sup> diyakini tidak akan mempengaruhi proses pengisian semula air bumi. Air di akuifer boleh keluar dari tanah ke permukaan secara semula jadi melalui mata air atau tasik serta sungai.

Bagi menjaga kelestarian air bumi pemantauan berterusan mestilah dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mencegah kejadian yang tidak diinginkan seperti pengambilan air bumi melebihi kadar pengisian semula, pencemaran sumber air bumi dan banyak lagi.

### **2.3 Kualiti air bumi**

Kualiti air bumi boleh di ukur melalui beberapa parameter yang berkaitan, antaranya adalah melalui parameter fizikal seperti konduktiviti, kekeruhan, pH dan jumlah pepejal terlarut (TDS) serta parameter kimia seperti Natrium, Kalium, Sulfat, Klorida, Arsenik, Ammonium, Nitrat, Kuprum, Ferum, Kalsium, Magnesium, Mangan, Plumbum dan Bikarbonat.

### 2.3.1 Parameter fizikal

Konduktiviti merupakan kemampuan air untuk mengalirkan arus elektrik. Ianya dinyatakan dalam unit  $\mu\text{s}/\text{cm}$ . Had yang diterima adalah 1000  $\mu\text{s}/\text{cm}$ .

Kekeruhan adalah penggantungan zarah-zarah di dalam air yang mengganggu perjalanan cahaya disebut kekeruhan. Kekeruhan disebabkan oleh pelbagai jenis pepejal terampai yang biasanya tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Had yang boleh diterima dan dibenarkan adalah 5 NTU.

pH merupakan ukuran jumlah relatif ion hidrogen di dalam air (pH yang lebih tinggi menunjukkan kepekatan ion hidrogen yang lebih rendah). Tujuannya adalah bagi mengetahui samaada air itu berasid, neutral atau beralkali. Skala pH biasanya diantara 0 hingga 14. Julat nilai pH dari 7 hingga 14 bersifat alkali, dari 0 hingga 7 adalah berasid dan 7 adalah neutral. Nilai pH bagi air minuman adalah dari 6.5 hingga 9.

Bagi kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2019) untuk kualiti air bumi di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan. Mereka memperoleh bacaan sekitar 3.06 hingga 6.7 dan secara keseluruhan air bumi di kawasan kajian mereka adalah berasid.

Berbeza pula bagi kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2020) bagi penilaian kualiti air bumi di Pulau Kapas, Terengganu. Kajian mereka menyatakan kebanyakan kawasan mencatatkan bacaan sekitar 7.22 hingga 7.85 iaitu dalam lingkungan alkali. Faktor yang mereka jangkakan adalah disebabkan oleh pengaruh dari air laut yang mempunyai pH yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pH bagi air tawar.

Jumlah Pepejal Terlarut (T.D.S) merupakan ukuran kandungan gabungan terlarut samaada organik dan bukan organik yang terdapat dalam air. Dalam sampel air juga dapat diperkirakan dari pengukuran konduktiviti. Had yang boleh diterima adalah 1,000 mg/L bagi air minuman manakala untuk air pertanian adalah 3,000 mg/L.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2020) bagi penilaian kualiti air bumi di Pulau Kapas, Terengganu menyatakan nilai TDS di pengaruhi oleh kandungan kemasinan (SAL) yang terlarut di dalam air bawah tanah sehingga mencatatkan bacaan yang tertinggi sehingga 1495 mg/L ketika Monsun Timur Laut dan sedikit menurun iaitu 1404 mg/l ketika Monsun Barat Daya. Siti Fazilatul Husni dan rakan-rakan (2013) turut menyatakan fenomena hujan yang berlaku dapat mempengaruhi TDS disebabkan air hujan dapat melarutkan lebih banyak pepejal yang boleh larut di dalam air.

### **2.3.2 Parameter kimia**

Natrium (Na) atau Sodium adalah merupakan logam Alkali yang lembut, licin dan keperakan. Mudah terdapat dalam sebatian semula jadi terutama garam batu (NaCl) dan mineral tanah liat. Sekiranya lebih 50mg/L bahan terampai menyebabkan berbuih seterusnya mempercepatkan bentukan kerak atau skala dan hakisan pada dandang (boiler). Had yang dibenarkan bagi air minuman adalah 200 mg/L.

Kalium (K) atau Potassium merupakan logam Alkali yang berwarna putih keperakan. Ianya seakan-akan Natrium (Na). Mudah teroksida dengan cepat diudara. Boleh terdapat pada mineral tanah liat. Sebagai contoh, Granit mengandungi 5% kalium. Sekiranya lebih 50mg/L bahan terampai menyebabkan berbuih seterusnya mempercepatkan bentukan kerak atau skala dan hakisan pada dandang (boiler). Had yang dibenarkan bagi air minuman adalah 12 mg/L.

Sulfat ( $\text{SO}_4$ ) merupakan sebahagian besar ion ini sangat larut dalam air, kecuali Kalsium sulfat, stonsium sulfat dan barium sulfat yang tak larut. Banyak ion sulfat dihasilkan melalui proses pengoksidaan bijihnya, gipsum dan ia juga terdapat dalam sisa industri. Sekiranya air mengandungi lebih 500mg/L Sulfat, air tersebut akan terasa pahit. Pengambilan sulfat yang tinggi juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti cirit-birit yang teruk sehingga menjejaskan kandungan air dalam badan. Had yang dibenarkan bagi air minuman adalah 250 mg/L manakala untuk pertanian adalah 1000 mg/L.

Klorida (Cl) boleh terdapat pada semua jenis air semula jadi dan mentah. Sumber utama adalah dari Batuan Sedimen (hakisan dan luluhawa) manakala sumber lainnya adalah dari Batuan Igneus (magma). Kandungan Klorida yang melebihi 100 mg/L dalam air akan terasa masin. Had yang dibenarkan bagi air minuman adalah 250 mg/L.

Arsenik (As) biasanya digunakan untuk membuat racun perosak, pembuatan semikonduktor elektronik dan ubat sapu. Had yang dibenarkan bagi air minuman adalah 0.01 mg/L manakala untuk pertanian adalah 0.1 mg/L. Keracunan arsenik kronik boleh mengakibatkan radang kulit, hiperkeratosis (penebalan, pengerasan dan keretakan telapak tangan dan tapak kaki), barah kulit dan penyakit hati (Appelo et al, 2005).

Ammonium (NH<sub>4</sub>) dan Nitrat ((NO<sub>3</sub>)) biasanya digunakan bagi membuat baja untuk tanaman (Ammonium Nitrat). Had yang dibenarkan bagi air minuman adalah 1.5 mg/L untuk Ammonium. Manakala air yang mempunyai lebih 100 mg/L Nitrat akan terasa pahit dan boleh menyebabkan gangguan fisiologi serta memberi kesan terutama kepada bayi akibat sukar bernafas. Ianya menyebabkan pengurangan kebolehan darah untuk mengangkut oksigen. Manakala sejumlah kecil nitrat dapat membantu mengurangkan keretakan pada keluli dandang (boiler) bertekanan tinggi. Had yang dibenarkan bagi air minuman adalah 10 mg/L manakala untuk pertanian adalah 100 mg/L.

Bagi kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2019) untuk kualiti air bumi di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan. Mereka memperoleh bacaan dari 0.17 mg/L dan 0.42 mg/L di lokasi B yang merupakan lokasi yang hampir dengan kawasan pertanian. Kejadian ini mungkin disebabkan penyerapan sisa baja di kawasan tanaman ke dalam bumi. Zani dan rakan-rakan (2010) turut menyatakan bahawa nilai ammonium nitrat yang tinggi diperoleh hasil dari pembebasan baja, najis haiwan dan kumbahan domestik ke sungai melalui larian permukaan semasa hujan dan seterusnya menyerap ke aliran air bumi sehingga mempengaruhi kualiti air di kawasan sekitar.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2020) bagi penilaian kualiti air bumi di Pulau Kapas, Terengganu pula menyatakan air bumi telah mengalami pencemaran akibat daripada aktiviti pelancongan iaitu disebabkan oleh sistem pengurusan sisa kumbahan yang tidak diuruskan dengan baik. Ini seterusnya menyebabkan berlaku peningkatan bacaan bagi ammonium nitrat di kawasan kajian mereka.

